



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (M.13-14 EB.15)
(*PSYCHOLOGY*)**

**KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 19 JULAI 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 02 OGOS 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JUL/01/KKS**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*PSYCHOLOGY*)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT BELAS (14)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Psychology* atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh Lembaga-Lembaga Profesional kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan di Bahagian Psikologi dalam mengendalikan Perkhidmatan Psikologi;
2. Mengendalikan Perkhidmatan Psikologi yang komprehensif dan bersesuaian kepada klien-klien yang memerlukan perkhidmatan;
3. Menyediakan laporan bagi klien-klien yang diberikan perkhidmatan di mana setiap laporan berkenaan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan yang menyelia;
4. Bekerjasama dengan unit-unit dan ahli-ahli profesional yang lain dalam hal-hal yang berpatutan;
5. Bekerjasama dengan Psikologi dan kakitangan lain serta ibu bapa atau penjaga dalam perancangan dan segala perkhidmatan yang diberikan;
6. Sentiasa mengemaskini unit dengan pengetahuan rawatan yang teratur dan terkini;
7. Menghadiri seminar dan latihan di dalam dan di luar negeri jika diperlukan;
8. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Kementerian Kesihatan serta Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain;



9. Menyediakan alat-alat yang diperlukan dalam penilaian dan terapi;
10. Membantu dalam beberapa urusan pentadbiran Perkhidmatan Psikologi;
11. Untuk mempertahankan Piawaian Profesional selaras dengan Kod Etika Profesional (Professional Code of Conduct) yang ditetapkan oleh ahli atau Badan-Badan Pertubuhan Psikologi Antarabangsa;
12. Sentiasa memelihara kerahsiaan maklumat pesakit / klien; dan
13. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat	:	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel	:	recruitment.ahp@moh.gov.bn
No.Tel	:	2383020